

Kesemua 18 Majlis Tertinggi Upko Dikekalkan, Kata Tangau Bernama

2 Apr, 2014

KOTA KINABALU, 2 April (Bernama) -- Kesemua 18 pemimpin dilantik oleh bekas presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) Tan Sri Bernard Dompok dikekalkan sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT).

Presiden Upko Datuk Madius Tangau membuat keputusan itu ketika mempengerusikan mesyuarat MT di Ibu Pejabat Upko di Penampang pada Isnin lepas.

"Bersesuaian dengan Perkara 21 (i)(m) dan Perkara 21 (iii), dan terutama sekali menghormati permintaan mantan presiden agar dikekalkan 'status quo' barisan kepimpinan, saya melantik kembali para pemimpin yang berkenaan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata antara yang dilantik ialah Datuk Seri Wences Angang sebagai naib presiden, Datuk Donald Mojuntin (setiausaha agung), Datuk Marcus Mojigoh (bendahari agung), Albert Bingkasan (ketua penerangan) dan Datuk Wong Thien Fook (setiausaha penganjur).

"Datuk Siringan Gubat adalah naib presiden yang paling kanan diikuti Datuk Bobbey Suan, Datuk Dr Marcus Mojigoh, Masiung Banah dan Senator Datuk Dr Lucas Umbul," katanya.

Berhubung tiga jawatan lantikan yang belum diisi iaitu satu naib presiden dan dua anggota biasa MT, beliau berkata: "Serah tugas baru dilakukan Isnin petang (lepas), saya mohon, berikan saya sedikit masa. Lantikan itu akan saya isi secepatnya."

Pada Isnin lepas, Tangau secara rasmi mengambil alih jawatan presiden parti daripada Dompok yang melepaskan jawatannya berkuat kuasa 21 Mac lepas.

Senarai penuh kepimpinan tertinggi Upko:

Presiden: Datuk Madius Tangau

Naib Presiden (Dipilih): Datuk Siringan Gubat, Datuk Bobbey Suan, Datuk Dr Marcus Mojigoh, Masiung Banah, Senator Datuk Dr Lucas Umbul, Datin Dr Jaina Sintian (Wanita) dan Arthur Sen (Pemuda)

Naib Presiden (Lantikan): Datuk Seri Panglima Wences Angang

Setiausaha Agung (Lantikan): Datuk Donald Mojuntin

Timbalan Setiausaha Agung (Lantikan): Georgina George

Bendahari Agung (Lantikan): Datuk Dr Marcus Mojigoh

Timbalan Bendahari Agung (Lantikan): Sualim Gopog

Ketua Penerangan (Lantikan): Albert Bingkasan

Timbalan Ketua Penerangan (Lantikan): Lightson Kohiya

Setiausaha Penganjur (Lantikan): Datuk Wong Thien Fook

Anggota Majlis Tertinggi (Dipilih): Datuk Suki Mee, Gilbert Syam, Haji Suip Saniman, OKK Jair Munty, Akuang Suan, Basari Sarkun, Sylvester Taing, Johnny Intang, Conrad Wong, Tailin Mainan, Muji Ampau, Carl Mosom, Alex Among, Dennison Indang, Walter Pinsius Galis dan Monih Epin.

Ahli Majlis Tertinggi (Lantikan): Ewon Benedick, Limus Jury, Datin Juliana Janni, Kennedy John Angian, Eldy Yakin Sinit, Pangiran Lalung, Jasni Rijan, Joisin Romut, Ronald James, Felix Joseph.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027255>